

● Pekerja Sarimah menunjukkan wau yang boleh dipasang sendiri buat pelancong asing untuk dibawa pulang.

‘Wau Tradisi’ lambang kreativiti masyarakat Melayu

NURHAZAH IBRAHIM

DALAM meniti arus pemodenan, pelbagai perkara turut berubah mengikut peredaran waktu. Wau adalah sejenis permainan tradisi turut melalui perubahan seiring dengan usia zaman yang meniti tua.

Ketika melalui lorong Melayu di Pasar Seni, hati tertarik dengan wau-wau berwarna-warni digantung di sebuah kedai. Tulisan ‘Wau Tradisi’ menjadi santapan mata pengunjung yang melalui kawasan tersebut.

Kunjungan ke kedai berkenaan disambut dengan wau kecil yang digantung di hadapan kedai seakan mengalu-alukan kedatangan

untuk dijadikan sebagai cenderamata dan kenangan,” katanya.

Tambahnya, kesenian wau ini menjadi tunjang kepada kebudayaan masyarakat Melayu sejak turun-temurun lagi. Malah beliau berpendapat identiti masyarakat Melayu lebih terserlah dan dikenali ramai.

Ketika mata melilau melihat wau-wau yang bergantung, hati terpaut dengan wau berharga RM980.

Walaupun harga yang diletakkan agak mahal, Sarimah mempunyai alasan tersendiri

awan larat iaitu bercorak pucuk rebung atau bunga cengkih yang telah ditebuk. Pada lapisan ketiga pula corak berlainan yang telah ditebuk ditampalkan.

Jelas Sarimah, bahagian kepala, hujung kiri dan kanan kepak akan dihiasi dengan rambu-rambu halus yang berwarna-warni bagi menambah cantik lagi rupanya.

Busul akan diregangkan di bahagian belakang tengkuw wau, agar ianya mengeluarkan bunyi dengung apabila



● Pelbagai ton warna dan corak yang terdapat pada wau di ‘Wau Tradisi’.



● Kedai Wau Tradisi menawarkan pelbagai saiz dan corak wau buat pengunjung.

INFO WAU

WAU adalah sejenis permainan tradisi yang sangat sinonim dengan rakyat Kelantan pada satu masa dahulu untuk mengisi masa lapang. Ia merupakan satu permainan popular bagi rakyat jelata dan golongan istana.

Wau terdiri dari wau burung, wau pari, wau katak, wau bayan, wau merak, wau kucing, wau jala budi, wau lenggang kebayan, wau sewah, wau barat dan wau bulan paling digemari oleh masyarakat Melayu. Reka corak wau selalunya bermotifkan awan larat dengan gabungan warna-warna terang dan gelap untuk mewujudkan satu corak yang menarik.

Permainan wau mempunyai hubungan dengan kepercayaan kepada semangat padi. Permainan wau dipercayai telah dilakukan sebagai satu cara untuk memohon maaf kepada semangat padi yang telah menjelma menjadi seorang anak gadis. Namun, kini permainan wau diadakan sebagai hiburan untuk pelbagai peringkat umur.

kerana baginya wau itu dinilai dari segi pembuatan. Setiap wau yang dijual di kedainya mengikut saiz dan ton warna yang digunakan bagi sesebuah wau. Jelasnya, pembuatan sesebuah wau sangat rumit dan memakan masa yang lama untuk disiapkan.

pelancong asing

Menurut pemilik kedai Sarimah Latip, pelancong asing lebih menghargai nilai kesenian wau berbanding rakyat tempatan yang hanya menganggap ianya kertas biasa sahaja.

“Walaupun harga wau yang dijual ada yang mencecah ratusan ringgit, namun pelancong asing sanggup membelinya kerana melihat kesenian yang ada pada wau itu.

“Kebanyakan adalah pelancong Jepun dan Eropah yang menggemari wau ini dan mereka akan membeli

kerana baginya wau itu dinilai dari segi pembuatan. Setiap wau yang dijual di kedainya mengikut saiz dan ton warna yang digunakan bagi sesebuah wau. Jelasnya, pembuatan sesebuah wau sangat rumit dan memakan masa yang lama untuk disiapkan.

pekerja membuat wau melibatkan kerja meraut buluh untuk dibuat rangka, mengimbang stabil kepek sehinggalah melekatkan kertas pada rangka wau yang mengambil masa sekurang-kurangnya dua minggu untuk disiapkan.


Kemudian rangka-rangka wau berkenaan diikat menggunakan benang mengikut bentuk serta jenisnya. Rangka yang telah siap akan ditampal dengan tiga lapis kertas nipis dan lutsinar dengan berlainan warna. Lapisan pertama menggunakan kertas berkilat, lapisan kedua menggunakan warna yang berbeza dan bercorak

diterbangkan di udara. Busur diperbuat dari daun rumbia atau mengkuang yang telah direndam dan dilurut lalu dibiarkan kering. Ia berbentuk seperti alat memanah. Tali teraju diikatkan di antara bahu kepek dan tulang belakang sebelah bawah wau bagi mengimbangi wau.

Sarimah memberitahu mereka turut melapik wau dengan kain organza bagi memberi perlindungan kepada wau agar tidak mudah koyak ketika terbang tinggi di udara. Penggunaan kain organza dapat memanjangkan jangka hayat wau.

Selain itu, Sarimah turut mengubah-suai wau seiring dengan zaman teknologi. Bagi memudahkan pelanggan untuk membawa pulang terutamanya pelancong, Sarimah telah mereka wau yang boleh dilipat dan dipasang semula. Ianya sungguh praktikal untuk digunakan.

Sarimah memperoleh bekalan wau dari bengkel khas pembuatan wau di Gombak dan Kelantan.



● Selain permainan tradisi, wau turut dijadikan sebagai perhiasan di rumah.